

## Tromel asingkan sampah

**S**AMPAH sarap dianggap sebagai bahan yang tidak berguna dan tidak mendatangkan sebarang faedah, malah boleh mendatangkan mudarat jika disimpan.

Dengan itu, selalunya sisa-sisa tersebut dibuang dan dilonggokkan di tempat-tempat pembuangan sampah sama ada menggunakan teknik pembuangan yang betul atau sebaliknya.

Sampah boleh dikategorikan kepada dua, iaitu sampah domestik dan sampah bukan domestik.

Sampah domestik adalah bahan-bahan buangan yang dibuang dari rumah atau dapur. Contohnya seperti botol, kaca, tin aluminium, beg plastik, kertas, pakaian buruk dan juga sisa makanan.

Sampah bukan domestik pula adalah bahan-bahan buangan yang terhasil dari industri, tapak pembinaan,

pekedai atau pasar dan pejabat. Bahan-bahan buangan ini terdiri daripada pelbagai jenis termasuklah sisa jualan, sisa pembuangan dan sisa daripada proses pengilangan.

Untuk menjadikan sampah sebagai bahan yang bermanfaat, Zull Design Autotronic (ZDA) telah menghasilkan satu mesin yang dibina dengan kepanjangan minimum 20 kaki

sehingga 40 kaki, dinamakan tromel domestik.

Mesin tersebut mampu mengasingkan bahan-bahan seperti plastik, logam, kertas, kayu, dan juga bahan organik dalam satu masa untuk diletakkan di tapak pelupusan sampah bagi membantu pekerja mengasingkan bertan-sampah setiap hari mengikut kategori.

Tromel domestik ini dicipta bukan sahaja mengasingkan sampah yang baharu malah dapat

memproses bahan buangan yang bertahun-tahun berada di tapak pelupusan tersebut.

Mesin seperti ini pernah dihasilkan pada tahun 2012 oleh ZDA. Antara kelebihan tromel domestik ini ialah dapat menjana pendapatan lapisan kepada masyarakat melalui penjualan plastik, kaca, dan bahan baja organik malahan menyumbang kepada isu global dunia dan menggalakkan aktiviti kitar semula.

Dengan adanya mesin tersebut ia menggalakkan pengurusan sisa buangan menjadi lebih sistematik dan juga mempercepat proses pengasingan.

Mesin tersebut lebih mudah diselenggara kerana merupakan mesin buatan tempatan, di

samping alat ganti mudah diperolehi.

Tromel domestik terdiri daripada tiga bahagian, bahagian penerima sampah, pengisar dan juga penghantar berantai. Pada bahagian pertama, menerima sampah dari tapak pelupusan sampah.

Pengisar bertindak untuk mencari sampah dalam bentuk gumpalan bersaiz besar sehingga bersaiz kecil manakala bahagian terakhir adalah tromel yang berfungsi sebagai mengasingkan sampah-sampah mengikut kategori.

Selepas penghasilan mesin tromel domestik ini pada tahun 2012 dan diketahui ramai, ZDA menerima tempahan daripada pelbagai agensi yang melakukan kerja-kerja pemrosesan dan pembuangan sampah yang memerlukan mesin tromel domestik ini seperti syarikat Alam Flora, TNB Research dan agensi-agensi lain. Pada kali ini, ZDA mencipta mesin tromel domestik versi baharu iaitu bentuk dan rekaannya diubah dan menggunakan konsep yang sama.

Tromel versi terbaharu masih lagi dalam kajian dan penyelidikan untuk diletakkan di Lapangan terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Sepang.



**UTUSAN & ZULL DESIGN**  
www.zulldesign.com.my



### SPESIFIKASI

**Model :** Tromel Domestik  
**Kapasiti :** Satu tan sejam  
**Bekalan kuasa :** Tiga fasa  
**Ukuran model :**  
**Bahagian penerima :** 20 kaki x 4 kaki x 5 kaki  
**Pengisar :** 20 kaki x 6 kaki x 8 kaki  
**Bahagian tali sawat (conveyor) :** 20 kaki x 4 kaki x 3 kaki

JIKA ada sebarang pertanyaan dan tempahan atau maklumat lebih lanjut. Hubungi Zull Design Autotronic (ZDA)  
Hari: Isnin - Jumaat. Masa: Pukul 8.30 pagi hingga 5 petang (waktu pejabat sahaja) Talian: 03-6092 1928, 012-733 2066, faksimile 03-6091 4000.  
E-mel: [mail@zulldesign.com.my](mailto:mail@zulldesign.com.my) atau layari laman web ZDA iaitu [www.zulldesign.com.my](http://www.zulldesign.com.my) laman Facebook kami <https://www.facebook.com/zulldesign.autotronic>. YouTube channel kami [zulldesign11](https://www.youtube.com/channel/UCzuld11) dan Instagram: [zulldesign11](https://www.instagram.com/zulldesign11)